

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Capai Pengambilan 100% Untuk The Nine, Elmina Green Semasa Previu

- Fasa 1 habis terjual sepenuhnya semasa previu awal; mengukuhkan permintaan tinggi terhadap rumah berkualiti di Elmina Green;
- Reka bentuk rumah teres dua tingkat yang dirancang dengan teliti terus menarik minat pembeli, mencerminkan permintaan yang semakin meningkat di City of Elmina

ARA DAMANSARA, 11 Mac 2025 – Sime Darby Property (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) sekali lagi membuktikan keupayaannya dalam menawarkan pembangunan yang sangat dicari-cari, seperti yang ditunjukkan menerusi sambutan luar biasa The Nine, Elmina Green semasa previu awalnya.

Semua unit Fasa 1 rumah teres dua tingkat telah habis terjual dalam tempoh beberapa minit selepas pemilihan unit keutamaan dibuka secara dalam talian, mencerminkan keyakinan tinggi pembeli terhadap jenama serta permintaan yang semakin meningkat untuk perbandaran City of Elmina. Dengan Nilai Pembangunan Kasar (“GDV”) sebanyak RM93.8 juta untuk Fasa 1, pelancaran ini sekali lagi menonjolkan keutamaan pasaran terhadap rumah teres yang dirancang dengan baik serta ditawarkan pada harga yang kompetitif.

Dijangka siap pada Mac 2026, The Nine, Elmina Green menawarkan keseimbangan ideal antara keselesaan, alam semula jadi, dan ruang kediaman yang praktikal. Setiap unit direka dengan pelan lantai terbuka untuk mengoptimalkan ruang dan fleksibiliti. Di tingkat bawah, terdapat bilik mesra pengguna kerusi roda bagi memastikan aksesibiliti untuk keluarga pelbagai generasi. Sementara itu, halaman belakang seluas 12 kaki menyediakan ruang hidup luar yang selesa, satu ciri unik yang jarang ditemui dalam pembangunan lain yang setanding. Harga bagi kediaman ini bermula dari RM921,888, menjadikannya pilihan menarik untuk keluarga yang sedang berkembang dan pembeli yang mementingkan nilai jangka panjang.

Ketua Pegawai Operasi – Pembangunan Perbandaran Sime Darby Property, Appollo Leong, berkata: "Sambutan yang memberangsangkan ini membuktikan kepercayaan pembeli terhadap pembangunan kami serta nilai yang kami tawarkan secara konsisten. Kami komited untuk terus membentuk komuniti yang berkembang maju dengan perancangan yang mampan dan reka bentuk kediaman yang teliti. Keutamaan kami adalah memastikan kesejahteraan penduduk dengan menitikberatkan kualiti, gaya hidup, dan keterhubungan."

Selain menawarkan rumah yang direka dengan baik, The Nine, Elmina Green turut menyediakan pelbagai kemudahan gaya hidup menyeluruh seperti taman permainan kanak-kanak, gelanggang badminton dan futsal, laman yoga, gimnasium luar, dan taman dusun. Pembangunan ini juga disambungkan melalui laluan pejalan kaki yang mudah diakses, membolehkan penduduk menikmati 2 ekar taman hijau yang tenang, bersama-sama dengan pelbagai kemudahan kejiranan yang menyokong gaya hidup sihat dan seimbang.

Terletak secara strategik hanya 2 km dari Elmina City Centre, pembangunan ini memberikan akses mudah kepada pusat beli-belah, restoran, dan kemudahan harian di Elmina Lakeside Mall. Bagi keluarga yang mempunyai anak-anak bersekolah, terdapat pelbagai institusi pendidikan berhampiran termasuk Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Denai Alam, serta SJK(C) Regent Elmina dan Sekolah Menengah Akademik Chong Hwa.

Aksesibiliti merupakan salah satu tarikan utama The Nine, Elmina Green, dengan sambungan mudah ke lebuh raya utama seperti Lebuhraya Koridor Guthrie dan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (“DASH”), memastikan perjalanan yang lancar ke destinasi utama di Lembah Klang.

City of Elmina merupakan perbandaran yang berorientasikan kesejahteraan, menawarkan akses kepada pelbagai taman hijau semula jadi termasuk Elmina Central Park seluas 300 ekar, yang direka untuk menggalakkan kesihatan fizikal dan mental penduduknya. Kejayaan The Nine, Elmina Green mengukuhkan lagi kedudukan City of Elmina sebagai destinasi kediaman pilihan yang mengimbangi kehidupan berasaskan alam semula jadi dengan kemudahan moden.

Berikutan sambutan luar biasa untuk fasa pertama, Sime Darby Property akan membuka Fasa 2 The Nine, Elmina Green untuk tempahan keutamaan pada hujung minggu ini, 15 Mac 2025.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://simedarbyproperty.com/city-of-elmina/the-nine-elmina-green/> atau hubungi +603-7849 5470.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan peranda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Bandar Hamilton Nilai. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menujuari usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Natalie Rose Ariffin | +6012-297 1820 | natalie.ariffin@simedarbyproperty.com
Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com